

Sejarah Tempatan Sebagai Subjek Novel Melayu Mutakhir

Local History as Subject of Contemporary Malay Novel

AMIR ZAKIY HAMZAH, NUR AFIFAH VANITHA ABDULLAH & CHE ABDULLAH CHE YA

ABSTRAK

Luka Nering adalah sebuah novel fiksiyen sejarah Kesultanan Melayu Perak karya Malim Ghazali PK. Novel ini diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2014 dan tercalon untuk Anugerah Sastera Antarabangsa IMPAC Dublin 2016. Novel ini bertolak daripada peristiwa Perjanjian Pangkor 1874 yang menyebabkan campur tangan British dalam sistem pemerintahan. *Luka Nering* terhasil melalui penggabungan antara teks dalaman dan teks luaran. Gabungan ini mengesahkan wujudnya teks dalam sebuah teks atau yang dinamakan dialog antara teks. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan menjawab persoalan, apakah proses dan bentuk kreatif dalam penghasilan *Luka Nering* memandangkan subjeknya bersandarkan peristiwa Perjanjian Pangkor 1874? Data artikel ini diperolehi melalui kaedah kualitatif. Kaedah kepustakaan diaplikasi sebagai instrumen kajian untuk menganalisis bahan kajian dalam artikel jurnal, buku, tesis, akhbar dan kertas kerja. Kajian ini menggunakan teori intertekstualiti yang diasaskan oleh Julia Kristeva sebagai kerangka analisis. Dapatan kajian menemukan bahawa proses pengkaryaan *Luka Nering* adalah kemasukan dari teks luar, iaitu peristiwa Perjanjian Pangkor 1874 ke teks baharu. Bentuk peralihan pengkaryaan berlaku dari segi watak dan latar yang mengalami proses intertekstual daripada hipoteks (teks asal) ke hiperteks (teks baru). Watak Sultan Abdullah dalam Perjanjian Pangkor 1874 telah diubah kepada watak TC dan J.W.W. Birch kepada watak Osborne melalui proses ekspansi. Prinsip transformasi melibatkan kehadiran lokasi sejarah, Naning dan Pulau Pinang ke dalam *Luka Nering* sementara modifikasi melibatkan subjek pahlawan Melayu di Perak daripada teks asal.

Kata kunci: Fiksiyen Sejarah; Intertekstualiti; Kritikan Sastera; *Luka Nering*; Malim Ghazali PK

ABSTRACT

Tree of Sorrow is a fictional novel on the Perak-Malay Sultanate history by Malim Ghazali PK. This novel was published by Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) on 2014 and was nominated for the 2016 International Literature Award, IMPAC Dublin. This novel portrays the 1874 Pangkor Treaty which lead to the intervention of British in the administration of Perak-Malay Sultanate. *Tree of Sorrow* indicates combination of inner and outside text. This combination confirms the existence of 'text within a text' or also known as dialog between text. Therefore, this article intends to seek answer to, what is the creative process and shape this novel has undergone since the subject is based on the 1874 Pangkor Treaty? Data from this article was collected through a qualitative research design. Library research was applied as the research instrument to analyse journal articles, books, thesis and newspapers. Intertextuality theory by Julia Kristeva was applied as the analysis framework. The findings of this study are that the *Tree of Sorrow* is a new text created based on an outside text, which is the 1874 Pangkor Treaty. The characters and the background in the new text has undergone transformation from hypotext to the hypertext. Exption was made to Sultan Abdullah's character as it was altered to a character named TC, while J.W.W. Birch was reffered to as Osborne. Transformation principles involves the presence of historical location of Naning and Penang Island, meanwhile modification involves the subjext of Perak Malay warrior from the original text.

Keywords: History Fiction; Intertextuality; Literary Criticism; *Tree of Sorrow*; Malim Ghazali PK

PENGENALAN

Novel berunsur sejarah adalah sebahagian daripada perkembangan kesusasteraan Melayu moden. Antara subjek yang didukung oleh novel berunsur sejarah adalah penyebaran agama, kedatangan kuasa penjajah Barat dan Timur, pemberontakan komunis dan perjuangan kemerdekaan. Peristiwa berkenaan

telah dipaparkan menerusi novel sejarah oleh beberapa penulis tempatan seperti Ahmad Bakhtiar, A. Samad Ahmad, Shahrom Hussein, Buyong Adil, Ishak Haji Muhammad dan Harun Aminurrashid. Oleh itu, novel sejarah adalah novel-novel yang ditulis berdasarkan peristiwa tokoh, artifak dan lain-lain lagi yang berkaitan sejarah (Che Abdullah Che Ya & Mohamad Rodzi Abd Razak 2019). Lazimnya

novel sejarah melalui proses kreativiti dengan penokok tambahan terhadap latar, plot, watak dan perwatakan. Hal ini menyebabkan novel dengan subjek penceritaan sejarah diklasifikasikan sebagai fiksiyen sejarah. Novel fiksiyen sejarah Melayu mula terserlah seawal dekad 1980-an antaranya menerusi Rimba Harapan 1986 (Keris Mas), Wajah Seorang Wanita 1990 (S. Othman Kelantan), Anugerah 1995 (Zaharah Nawawi) dan 1515 (Faisal Tehrani) pada tahun 2003. Walau bagaimanapun, selepas abad ke 21, hanya terdapat sebuah novel fiksiyen sejarah Melayu dihasilkan. Novel mutakhir ini adalah Luka Nering yang dihasilkan oleh Malim Ghozali PK. Novel ini memaparkan peristiwa sejarah iaitu konflik dalaman istana yang diinspirasikan dari Perjanjian Pangkor 1874. Novel ini adalah novel Melayu pertama untuk memaparkan pergolakan dalaman istana Melayu (Abdul Rahman Napiah 2017).

Perjanjian Pangkor merupakan perjanjian yang telah ditandatangani oleh pihak British dan pembesar-pembesar Melayu Negeri Perak di Pulau Pangkor pada 20 Januari tahun 1874 (Siti Zalikah Md. Nor 2011). Perjanjian tersebut berlaku di atas kapal perang HMS Pluto, perairan Pulau Pangkor. Draf Perjanjian Pangkor telah disediakan oleh Rolland Braddel Peguam Kerajaan Negeri Selat, terdapat 14 perkara yang telah dipersetujui (Khoo Kay Kim 1974). Perjanjian Pangkor ternyata bukan dengan kehendak-kehendak raja-raja dan pembesar-pembesar Melayu Perak tetapi sebaliknya merupakan sesuatu yang dipaksa ke atas mereka oleh pihak Inggeris (Malim Ghozali PK, 2017). Secara tidak langsung, pentadbiran negeri Perak mula diambil alih pihak British sehingga menimbulkan kesan perpecahan dalam sektor politik, ekonomi dan sosial. Ekoran daripada sejarah termeterainya Perjanjian Pangkor pada tahun 1874 memperlihatkan kebangkitan orang Melayu di Perak dalam penentangan terhadap penjajah British (Ishak Saat 2012). Sesungguhnya Perjanjian Pangkor yang ditandatangani pada 20 Januari 1874 telah mengubah sepenuhnya landskap politik di negeri Perak (Abdul Rahman Ismail & Azmi Ariffin 2016).

Subjek dalam Luka Nering adalah peristiwa sejarah Perjanjian Pangkor 1874 yang diadaptasi oleh Malim Ghozali PK. Pengarang telah mengolah peristiwa sejarah berkenaan berdasarkan pandangannya dalam novel tersebut. Luka Nering mengisahkan perjuangan seorang anak raja bernama Raja Cik atau TC yang menzahirkan rasa tidak puas hati terhadap isi kandungan Perjanjian Pangkor. Luka Nering berkisar

tentang peristiwa sejarah negeri Perak dan kesannya terhadap Kerabat Diraja Perak. Pengarang Luka Nering mengakui menggunakan latar peristiwa sejarah Perjanjian Pangkor 1874 dan melahirkan beberapa watak cereka di dalamnya. Pengarang juga mengakui bahawa beliau menginterpretasi peristiwa sejarah dari perspektif baharu yang berpihak kepada orang tempatan dan bukan berdasarkan pandangan pihak British yang memberi tanggapan negatif terhadap masyarakat tempatan. Artikel ini bertujuan meneliti proses kepengarangan Luka Nering, kreativiti dan kecenderungan pengarang mengadaptasi peristiwa sejarah Perjanjian Pangkor 1874 dari segi watak, latar, gaya bahasa dan isu menjadi fokus penelitian artikel ini. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan meneliti hubungan antara teks sejarah dengan teks Luka Nering karya Malim Ghozali PK. Prinsip dalam teori intertekstualiti yang menghubungkan antara teks luaran dan teks dalaman oleh Julia Kristeva akan diaplikasi sebagai kerangka analisis untuk menjawab persoalan, apakah proses dan bentuk pengkaryaan yang telah dilalui oleh Luka Nering bersandarkan peristiwa Perjanjian Pangkor 1874?

KAJIAN LEPAS

Setakat ini terdapat 21 penulisan lepas yang membincangkan karya Malim Ghozali PK sebagai subjek kajian. Penulisan lepas tersebut telah dihimpunkan oleh S.M. Zakir pada tahun 2017 dalam bentuk buku yang berjudul Merenungi Dunia Naratif Malim Ghozali PK terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Penulisan lepas yang dikumpulkan termasuk analisis terhadap genre puisi, cerpen dan novel. Walau bagaimanapun, tidak semua penulisan lepas tersebut membincangkan tentang novel Luka Nering. Lanjutan itu, terdapat penulisan-penulisan yang mengkaji tentang Luka Nering (Talib Samat 2017; Abdul Rahman Napiah 2017; Rosnani Md Zain 2017; Noor Fatin Alia' Md Khalid & Halis Azhan Mohd. Hanafiah 2019). Keempat-empat penulisan tersebut ditemukan dalam artikel bab dalam buku, tesis pada peringkat Sarjana Sastera dan kertas kerja prosiding. Fokus perbincangan mereka adalah perbandingan terhadap latar tempat, aspek isi dan estetik, fenomena serta institusi sosial. Namun begitu, setakat ini belum ada mana-mana penulisan lepas yang meneliti Luka Nering dalam konteks intertekstualiti sebagai kerangka analisis kajian.

Talib Samat pada tahun 2017 meneliti kajiannya yang bertajuk perbandingan Komuniti Jawa di Surinam, Amerika Selatan dengan Komuniti Masyarakat Melayu di Republik Seychelles dalam novel *Janji Paramaribo* karya Malim Ghozali PK. Artikel ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif iaitu berpandukan teks dalam novel dan pemerhatian. Kerangka analisis artikel ini menggunakan pendekatan sejarah dalam konteks perbandingan mengenai latar kehidupan terhadap dua kelompok masyarakat. Sejarah mendapati bahawa penindasan terhadap masyarakat Jawa di Indonesia oleh kerajaan Belanda menyebabkan berlakunya penghijrahan secara besar-besaran pada tahun 1890 ke Surinam. Manakala, masyarakat komuniti Melayu yang dibuang negeri ke Republik Seychelles diketuai oleh Sultan Abdullah selaku mantan sultan Perak ke-26 akibat penjajahan British. Dapatan kajian mendapati bahawa komuniti masyarakat Jawa Islam di Surinam berjaya mengekalkan tradisi, agama dan budaya berbanding masyarakat Melayu di Republik Seychelles yang gagal mempertahankan tradisinya. Tambahan, kajian turut memaparkan penulis membuat perbandingan jati diri antara dua kelompok masyarakat Jawa dan Melayu di luar negara terkait dengan senario budaya barat yang dialami. Titik persamaan antara kajian tersebut dengan pengkaji melalui skop penulisan adalah memilih novel Malim Ghozali PK. Walau bagaimanapun, pengkaji tidak membuat perbandingan antara novel sebaliknya lebih merungkaikan fakta terhadap sejarah yang dipaparkan dalam *Luka Nering* melalui perspektif intertekstualiti.

Abdul Rahman Napiah menghasillan artikelnya bertajuk *Luka Nering* melalui bacaan idealistik teksdealisme pada tahun 2017. Kajian yang dihipunkan melalui bab dalam buku ini menggunakan sepenuhnya kaedah kualitatif iaitu berasaskan teks. Kerangka teori yang digunakan ialah teori tekdealisme yang menumpukan kepada kaedah bacaan bukannya kaedah kritikan. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa penulis menekankan bacaan idealistik yang berpaksikan hubungan antara karya dengan pembaca melalui aspek isi dan estetik. Pembaca diberi ruang kebebasan untuk memahami pengertian teks melalui sudut pemahaman sendiri terhadap krisis yang berlaku terhadap watak utamanya Raja Cik. Aspek kehadiran, idealisme, pelanggaran dan kepengarangan yang menjadi landasan kritikan dalam teori teksdealisme tidak dianalisis. Walau bagaimanapun, perbezaannya dengan pengkaji adalah dari segi kerangka analisis

dalam *Luka Nering*.

Tesis sarjana Rosnani Md Zain tahun 2017 mengkaji fenomena sosial dalam novel *Nenek* karya Razali Endun dan *Luka Nering* karya Malim Ghozali PK. Metodologi kajian ini menggunakan penyelidikan kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan analisis teks. Kerangka analisis yang digunakan adalah teori fakta sosial yang diasaskan oleh Emile Durkheim. Permasalahan kajian yang ditampilkan oleh Rosnani ialah mengapa novel *Nenek* lebih dipilih sebagai pemenang berbanding novel *Luka Nering*? Dapatan kajian menunjukkan bahawa penulis mendapati bahawa aspek fenomena sosial lebih dominan dalam novel *Nenek* berbanding *Luka Nering* terkait dengan isu semasa. Elemen fenomena sosial seperti tatacara perhubungan dalam masyarakat, perpecahan dalam masyarakat, kebudayaan, kekeluargaan, kemiskinan, pembangunan sosioekonomi masyarakat, masalah sosial dan undang-undang tanah lebih realistik dalam novel *Nenek*. Berbanding dengan *Luka Nering*, penulis mendapati bahawa elemen fenomena sosial juga dominan dipaparkan namun tidak relevan dengan penerimaan fahaman masyarakat. Hal ini disebabkan Malim Ghozali PK memaparkan ketidaklogikan melalui watak utamanya Raja Cik yang dimasukkan ke Rumah Sakit Otak namun masih mampu mengingat sejarah lampau perjuangan bangsanya. Perspektif sedemikian menjadikan Rosnani mengakui bahawa novel *Nenek* sememangnya wajar dinobatkan sebagai pemenang kategori novel Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2014. Oleh itu, pengkaji menggunakan teori intertekstualiti dalam *Luka Nering* untuk meneliti perspektif makna baharu yang mengalami proses intertekstual.

Noor Fatin Alia' Md Khalid dan Halis Azhan Mohd. Hanafiah merakamkan kertas kerja seminar kajiannya yang bertajuk "Institusi Sosial dalam novel *Luka Nering*" pada tahun 2019. Kajian ini berteraskan kepada metodologi kualitatif dan pentafsiran teks. Kerangka kajian yang digunakan adalah berpandukan teori pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang. Pengkaedahan yang diterapkan adalah alamiah dan keagamaan. Pengkaedahan tersebut digunakan untuk menganalisis hubungan antara unsur-unsur dunia Melayu dan dinamika institusi sosial yang terdapat dalam *Luka Nering*. Dapatan kajian juga mendapati bahawa institusi sosial yang ditemukan dalam dunia Melayu ialah keluarga dan masyarakat setempat. Kekeluargaan melibatkan nasab keturunan Kerabat

Diraja Perak dan sistem pewarisan takhta yang menimbulkan pergolakan dalam istana seperti yang dialami oleh watak TC. Institusi kemasyarakatan pula digambarkan melalui watak TC yang akrab dengan alam semula jadi dan tidak membezakan darjatnya dengan kelompok masyarakat marhaen. Perbezaan kajian ini adalah dari sudut pendekatan teori namun kebersamaannya dengan subjek kajian iaitu novel Luka Nering. Sehubungan itu, artikel ini membincangkan tentang sanggahan pengarang terhadap sejarah melibatkan penjajahan British melalui tafsiran makna baru. Perbincangan akan dilandasi dengan teori intertekstualiti yang dikemukakan oleh Julia Kristeva.

Berdasarkan kajian-kajian lepas yang telah dibincangkan, masih terdapat kelompongan yang perlu dirungkaikan dalam novel Luka Nering. Dikatakan sedemikian kerana sebelum ini penulisan kajian lepas lebih berfokus kepada beberapa kerangka teori tanpa menyentuh teori intertekstualiti. Memandangkan kerangka analisis amat ditekankan dalam bidang pengkajian, maka kajian ini akan ditumpukan kepada analisis teks dari sudut pensejarahan yang mengalami proses intertekstual.

METODOLOGI KAJIAN

Melalui kajian kes terhadap novel sejarah Melayu terakhir, Luka Nering menjadi novel yang akan dianalisis. Walaupun menerapkan elemen fiksiyen menerusi watak utamanya, namun penceritaannya adalah berlandaskan peristiwa sejarah tempatan. Data bagi artikel ini diperolehi daripada kajian jenis penyelidikan asas. Reka bentuk kajian kualitatif diaplikasi dengan analisis kandungan sebagai instrumen utama bagi meneliti bahan-bahan rujukan. Temubual turut dilaksanakan bersama-sama Malim Ghazali PK untuk memperolehi maklumat mengenai novel Luka Nering. Kerja lapangan ini dilaksanakan di rumah kediaman pengarang, Kota Damansara Petaling Jaya sebanyak dua kali iaitu pada 23 Oktober dan 18 Disember 2019. Kerangka analisis bagi menjawab persoalan kajian artikel ini adalah teori intertekstualiti yang dikemukakan oleh Julia Kristeva. Analisis kandungan dilaksanakan terhadap bahan-bahan rujukan seperti bab dalam buku, buku, artikel jurnal, tesis, akhbar dan kertas kerja.

KERANGKA KAJIAN

Kerangka analisis yang diaplikasi dalam kajian ini adalah teori intertekstualiti. Julia Kristeva merupakan tokoh yang berperanan dalam mengembangkan pemikiran dan teori dialogisme Mikhail Bakhtin. Kristeva tidak lagi menggunakan istilah dialogic tetapi menggantikannya dengan intertextuality. Konsep intertextuality pertama kali diperkenalkan Kristeva kepada khayalak kesusasteraan Perancis pada tahun 1960-an menerusi tulisannya "*Le mot, le dialogue et le roman*" (Tuan Rusmawati Raja Hassan & Mawar Safei 2015). Kristeva berpendapat bahawa setiap teks terbina hasil daripada kutipan, peresapan dan transformasi teks-teks lain (Kristeva 1980). Perspektif ini membuatkan adanya saling bergantung pembinaan sesebuah teks dengan teks-teks yang lainnya; tegasnya dalam sebuah teks ada pelbagai teks.

Menurut Bakhtin, semua karya dihasilkan berdasarkan pada dialog antara teks dengan teks yang lain. Hasil karya sastera tidak lagi merupakan pemikiran asli pengarangnya, sebaliknya melibatkan banyak gabungan beberapa bentuk hubungan (Mawar Safei, Misran Rokimin & Che Abdullah Che Ya 2011). Melalui Kristeva, teori ini memperlihatkan hubungan antara teks dalaman dan teks luaran. Teks dalaman ialah aspek berkaitan dengan pembinaan sesebuah karya sastera seperti estetik, imaginasi dan ilusi. Teks luaran pula merupakan teks sosial yang paling erat kaitannya dengan pengalaman pengarang, ideologi, sejarah, moral dan budaya (Mana Sikana 2008). Kedua-dua aspek ini berjalan seiring kerana sesuatu karya tidak akan dapat berdiri dengan baik tanpa gabungan antara kedua-duanya (Zulkifli Mohd. Yusoff & Wan Nasyrudin Wan Abdullah 2008).

Prinsip yang dominan dan dirasakan sesuai sahaja akan dianalisis untuk mendapatkan makna dalam teks oleh pengarang. Apabila sesebuah teks dianalisa, maka tiga persoalan penting yang berkaitan dengan prinsip intertekstualiti mesti ditimbulkan oleh seseorang pengkaji. Kristeva melihat sesebuah teks terbina daripada pelbagai teks awal dengan merincikan apa yang berlaku, bagaimana ia berjalan dan mengapa ia dilakukan pengarang (Mawar Safei, Misran Rokimin & Che Abdullah Che Ya). Setiap prinsip ini tidak semestinya hadir secara berasingan dalam setiap karya, bahkan ia boleh juga hadir secara bersama. Apabila sesuatu teks karya itu mengalami proses transformasi, maka ia juga mungkin mengalami proses modifikasi,

ekspansi atau apa saja prinsip intertekstualiti dalam masa yang sama. (Zulkifli Mohd. Yusoff & Wan Nasyrudin Wan Abdullah 2008).

Prinsip dalam teori intertekstualiti iaitu ekspansi, transformasi dan modifikasi menjadi landasan kritikan kajian ini. Kesemua prinsip berkenaan untuk memaparkan berlakunya proses intertekstual dalam dapatan kajian. Peralihan daripada hipoteks (teks sejarah) kepada hiperteks (Luka Nering) adalah bertujuan meneliti makna, proses yang dilakukan dan kewajaran yang dilakukan oleh pengarang. Hubungan hipoteks-hiperteks dalam kerangka perbincangan ini bertitik tolak daripada fahaman dialogik Bakhtin bahawa terdapat hubungan antara dua buah teks atau dialog sebuah teks dengan teks sebelumnya (Mawar Safei, Misran Rokimin & Che Abdullah Che Ya 2011).

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini menemukan bahawa dalam kerangka intertekstualiti, Malim Ghozali PK mengadun dan menerapkan beberapa perubahan dari segi watak dan makna manakala latarnya tetap kepada peristiwa sejarah. Perubahan watak dikesan melalui Sultan Abdullah dan J.W.W. Birch dalam Perjanjian Pangkor 1874 yang diberikan tafsiran pensejarahan baharu melalui watak TC dan Osborne menerusi prinsip ekspansi. Pemindahan teks secara nyata pula diperihalkan melalui teks Sejarah Ringkas Naning dan Sejarah Awal Pulau Pinang manakala penyesuaian teks melalui prinsip modifikasi diteliti hasil alur cerita daripada teks asal novel Tengku Menteri.

EKSPANSI

Sejarah Perjanjian Pangkor 1874 sememangnya tidak boleh diubah dan akan kekal dalam penulisan sejarah tanah air. Kenyataan ini turut diperakui oleh Malim Ghozali PK (2017), iaitu tiada sesiapa yang mampu mengubah sejarah tetapi penulisan teks berkaitan sejarah hendaklah diperbetulkan demi kedaulatan bangsa. Penolakan terhadap teks asal Perjanjian Pangkor 1874 menerusi kajian ini akan ditelesuri dengan penemuan terhadap dua makna setelah melalui proses intertekstual. Makna pertama adalah makna sebenar sejarah termeterainya Perjanjian Pangkor 1874, manakala makna kedua adalah makna baharu dari sudut fiksiyen yang dihasilkan oleh pengarang.

Luka Nering menerima pengaruh teks luar penulisan hikayat zaman tradisional sebagai inspirasi awal penciptaanya. Karya kreatif mempunyai kaitan yang rapat dengan sejarah kerana dihasilkan berdasarkan imaginasi dan wawasan yang terbentuk daripada pengetahuan serta pengalaman diri sendiri ataupun pengalaman orang lain (Che Abdullah Che Ya & Mohamad Rodzi Abd Razak, 2019). Kewujudan watak anak raja bernama Raja Cik atau TC digarap oleh pengarang sebagai watak imaginasi dalam karyanya. Malim Ghozali PK menyatakan bahawa latar raja-raja bukanlah suatu yang baharu diangkat dalam karya pada waktu dahulu dan sering diungkap dalam penulisan hikayat seperti Hikayat Malim Deman, Hikayat Malim Dewa dan seumpamanya (Rozais al-Anamy, 2015). Kewujudan pengaruh luaran bersandarkan kepada pengalaman pengarang yang pernah menetap di Istana Negeri Perak semasa zaman kanak-kanak ketika berusia 10 hingga 12 tahun. Pengalaman ketika di Istana Perak telah mendekatkan diri pengarang dengan sejarah negeri dan terdedah dengan suasana melibatkan kerabat diraja. Keistimewaan yang dimiliki oleh pengarang untuk memasuki istana adalah kerana ayahnya, Abdul Rashid Uda Muhamad merupakan Orang Besar Lapan ketika itu.

Kandungan Perjanjian Pangkor yang mempunyai 14 fasal mengikut pandangan Malim Ghozali PK telah berlaku penipuan dengan terjadinya kesepakatan antara Raja Muda Abdullah dan Sir Andrew Clarke. Kecenderungan Raja Muda Abdullah untuk ditabalkan menjadi Sultan Perak telah memudahkan hasrat British untuk menjajah di Tanah Melayu. Meskipun tujuan asal Raja Muda Abdullah adalah untuk mengembalikan keamanan di Perak namun tindakannya secara tidak langsung telah mengundang pihak British untuk campur tangan dalam sistem kepimpinan. Hal ini turut dipersetujui oleh Siti Zalikah Md. Nor (2011), iaitu perebutan takhta di negeri Perak telah memberi ruang dan peluang untuk Inggeris campur tangan. Perkara ini telah diteliti melalui fasal keenam yang memperlihatkan tindakan Sir Andrew Clarke yang ingin menempatkan seorang residen sebagai penasihat kepada Sultan Abdullah. Pihak istana bersetuju menerima seorang pegawai residen British yang mana nasihatnya dalam semua hal mesti diminta dan dijalankan kecuali yang menyentuh agama dan adat istiadat Melayu (Oong Hak Ching 1996).

Ekspansi ialah perluasan atau pengembangan terhadap sesuatu teks (Mana Sikana 2008). Proses

perluasan dan pengembangan ini dilakukan apabila ilham timbul ekoran daripada bacaan asas (hipoteks). Secara umumnya, cerita yang dihasilkan dalam teks baru menjadi lebih panjang dan lebih rumit kerana berlakunya proses penambahan. Proses ekspansi ini melibatkan elemen pengembangan yang dilakukan oleh pengarang seperti menambahbanyakkkan watak dan latar peristiwa yang dilalui sendiri oleh pengarang atau melalui pembacaan ke dalam karyanya sama ada secara sedar atau tidak. Justeru, pengarang mempersoalkan teks asal Perjanjian Pangkor 1874 sebagai hipoteks sehingga berlakunya proses interteks terhadap klausa perjanjian. Oleh itu, pengarang menukar watak raja iaitu Raja Muda Abdullah kepada watak TC untuk pembikinan makna baru sebagai hiperteks dalam Luka Nering. Watak TC pada hakikatnya tidak wujud dalam Perjanjian Pangkor 1874 sebaliknya hanya watak rekaan yang dikarang oleh pengarang. Krisis Perjanjian Pangkor 1874 yang mengisahkan perebutan jawatan dua orang raja telah diubah pensejarahannya mengikut fahaman baru. Pembikinan makna baru dalam kajian ini ditemui apabila berlaku kekosongan jawatan Raja Dihilir. Krisis politik akibat kemangkatan Raja Dihilir telah mencetuskan polemik yang besar dalam urusan pentadbiran di negeri Perak.

Hierarki warisan takhta negeri Perak secara berperingkat dipimpin oleh Sultan dan raja sebagai induk utama. Seterusnya terdapat Raja Muda, Raja Dihilir, Raja Kecil Besar, Raja Kecil Muda, Raja Kecil Tengah dan Raja Kecil Bongsu (Siti Zalikhah Md. Nor 2011). Pada tahun 1932, waris negeri yang diisi selain dari Raja Muda dan Raja Bendahara adalah seperti berikut: Raja Kecil Muda, Raja Bendahara, Raja Di Hilir, Raja Kecil Besar, Raja Kecil Muda, Raja Kecil Tengah dan Raja Kecil Bongsu (M.A. Fawzi Basri 2016). Mulai tahun 1953, Fasal XXX111 Perlembagaan Negeri Perak telah menetapkan susunan bakal Sultan iaitu Raja Muda, diikuti dengan Raja Di Hilir. Jawatan dan gelaran Raja Bendahara telah diluputkan (M.A. Fawzi Basri 2016). Melalui kenyataan sedemikian, jelas menunjukkan bahawa Raja Bendahara dalam hierarki asal sistem raja bergelar di Perak berada pada kedudukan ketiga dalam susunan. TC pada ketika itu memegang jawatan sebagai Raja Kecil Besar sememangnya akan mewarisi gelaran RDH sekiranya berlaku kemangkatan. Walau bagaimanapun, keadaan yang menimpa TC ketika dimasukkan ke Rumah Sakit Otak telah menimbulkan konflik yang berpanjangan mengenai penggiliran takhta Kerabat Diraja Perak. Perkara ini

dapat diperlihatkan melalui petikan berikut:

“...Dato’ Kusnin. Waalaikumsalam, TC. Nak beritahu, RDH mangkat subuh tadi. Almarhum akan disemadikan di Makam Diraja Bandar Kuala zuhur nanti...”

(Luka Nering 2014: 59)

“...Dia tahu, kemangkatan Duli Yang Amat Mulia Raja Dihilir telah melibatkan dirinya secara langsung. Itulah gelaran yang akan dipegangnya mengikut giliran, sekiranya berlaku kemangkatan ke atas salah seorang pewaris. Tetapi dengan musibah yang menimpa dirinya sekarang, bagaimana?...”

(Luka Nering 2014: 60)

Konflik yang menimpa TC berlaku apabila dirinya disabitkan atas kesalahan membunuh DO Osborne. TC telah dituduh sebagai pembunuh apabila dirinya ketika berlakunya pergelutan dengan Osborne menyebabkan Osborne mati akibat ditembak. Walau bagaimanapun, TC menafikan bahawa dirinya yang membunuh Osborne memandangkan peluru yang membunuh Osborne bukan datang dari senjata yang dimilikinya pada ketika itu. Meskipun begitu, dirinya tetap didapati bersalah memandangkan tiada saksi kejadian di lokasi berkenaan ketika peristiwa pembunuhan tersebut berlaku sehingga akhirnya dimasukkan ke Rumah Sakit Otak Tanjung Rambutan. Kejadian berlaku ketika TC sedang disiasat oleh Subinspektor Jain yang datang ke hospital untuk menyoalnya tentang insiden pembunuhan Osborne.

Panggilan dari pihak istana telah menyebabkan TC terjebak dalam dilema mengenai soal pewaris takhta RDH. Kes pembunuhan Osborne bukan sahaja mendatangkan permasalahan kepada pihak istana, tetapi turut terpalit dengan isu penggiliran jawatan melibatkan dirinya. Ku Robot yang merupakan sepupunya selain menjadi anak kandung Tuanku Imran dan Bonda Zah sudah pasti akan mengisi jawatan tersebut memandangkan kesnya belum menemui jalan penyelesaian. Situasi ini turut diperlihatkan melalui petikan berikut:

“...Ketika tuanku menyebut tentang kemangkatan RDH, TC sudah tahu apa kaitan dengan dirinya. Benar, sistem giliran nampaknya tersekat. Hendak dinaikkan dirinya, dia sudah disahkan mengalami sakit jiwa. Tidak cukup dengan itu, dia juga disyaki membunuh. Kedua-dua musibah ini sedikit pun tidak membantunya. Giliran Ku Robot pula berada di belakangnya. Apakah Tuanku akan mengetepikannya dan menaikkan Ku Robot? Ini bererti Ku Robot akan melangkau giliran...”

(Luka Nering 2014: 210)

Tuanku Imran telah melantik Ku Robot sebagai RDH yang baru memandangkan laporan kesihatan TC yang tidak memihak kepada dirinya. Situasi bertambah buruk apabila TC dimaklumkan akan berada lebih lama di Rumah Sakit Otak. Termaktub dalam syarat penggiliran bahawa tempoh untuk pihak istana melantik RDH yang baru adalah enam bulan daripada kemangkatan RDH yang sebelumnya. Peraturan ini secara tidak langsung membolehkan Ku Robot dilantik menjadi RDH yang baru walaupun jawatan itu sebenarnya adalah hak milik TC. Watak TC diceritakan adalah merupakan pewaris takhta yang keempat dan watak Ku Robot adalah berada di giliran kelima dalam sistem giliran pewarisan takhta tersebut (Noor Fatin Alia' Md Khalid & Halis Azhan Mohd. Hanafiah, 2019). Isu Ku Robot yang melangkaui giliran ini pada hakikatnya merupakan tafsiran makna baru dari sudut fiksyen yang dibikin oleh pengarang. Hal ini demikian kerana, isu penggiliran Ku Robot ini daripada TC merupakan cerminan daripada kisah Raja Muda Abdullah dan Raja Bendahara Ismail dalam salasilah asal kerajaan Perak untuk menjadi Sultan Perak pada tahun 1871. Pengarang tidak menggunakan watak raja yang terlibat dalam Perjanjian Pangkor 1874 tetapi mengambil situasi yang sama mengenai penggiliran takhta untuk diceritakan dari sudut pembikinan makna baru dalam Luka Nering. Klausula melibatkan penyelesaian isu penggiliran takhta dalam Perjanjian Pangkor 1874 boleh dilihat melalui petikan berikut:

“...Pertama: Bahawa Raja Muda Abdullah diiktiraf sebagai Sultan Perak. Kedua: Bahawa Raja Bendahara Ismail yang sekarang ini menjadi Pemangku Sultan, dibenarkan mengekalkan gelaran Sultan Muda dengan diberi pencen dan sebuah wilayah kecil diserahkan hak kepadanya...”

“...Keenam: Bahawa sultan menerima dan menyediakan sebuah kediaman yang sesuai untuk seorang pegawai Inggeris yang dinamakan Residen, yang akan ditauliahkan ke istana baginda, dan nasihatnya mestilah diminta dan diambil tindakan atas semua persoalan, selain yang menyentuh agama Islam dan adat istiadat orang Melayu...”

(Luka Nering, 2014: 6-7)

Ketika menandatangani Perjanjian Pangkor 1874, Gabenor Sir Andrew Clarke dengan persetujuan Raja Muda Abdullah telah bertindak menurunkan takhta Sultan Ismail daripada Sultan kepada gelaran Raja Muda di Hulu Perak. Krisis di Perak dikatakan bermula apabila sultan yang memerintah, iaitu Sultan Ali mangkat di Sayong pada Mei 1871 (Abdul Rahman Ismail & Azmi Ariffin, 2016). Kemangkatan Sultan Ali secara

tidak langsung membuatkan penggiliran takhta di singgahsana kerajaan Perak bergolak. Keadaan politik peribumi di negeri-negeri Melayu terutama Perak, Selangor dan Negeri Sembilan selalu bergolak disebabkan pertikaian dalam kalangan golongan kerabat diraja kerana masalah pergantian ke atas takhta kerajaan (Oong Hak Ching 1996).

Raja Abdullah sebagai Raja Muda sepatutnya dilantik sebagai sultan baru akan tetapi disebabkan baginda tidak menghadiri upacara pengebumian, Raja Bendahara Ismail telah dilantik. Menurut M.A. Fawzi Basri (2016) suatu yang sukar dinafikan bahawa Raja Muda Abdullah telah gagal hadir sebelum jenazah Sultan Ali dimakamkan kerana mengikut adat Raja-Raja Perak, sultan yang baru diisytiharkan sebelum istiadat pemakaman disempurnakan. Menurut sejarah, jenazah almarhum Sultan Ali terbujur selama sebulan lebih sedangkan Raja Muda masih tidak hadir ke majlis pemakaman. Oleh itu, Orang Besar Negeri bersetuju untuk melantik Raja Bendahara sebagai Sultan Perak yang baru. Raja Bendahara Ismail terus ditabalkan kerana mengikut adat istiadat pertabalan Raja-Raja Melayu, baginda ialah sultan yang layak kerana memiliki alat-alat kebesaran diraja. Penyokong Sultan Ismail menyifatkan lantikan Bendahara Ismail sebagai sultan adalah sah, mereka memandang Sultan Abdullah adalah lantikan British (M.A. Fawzi Basri 2016).

Selain itu, watak J.W.W Birch selaku residen kepada Sultan Abdullah dalam Perjanjian Pangkor 1874 telah diubah kepada watak Osborne yang memegang jawatan DO. Osborne bertindak sebagai seorang pegawai yang bertanggungjawab untuk membantu TC dalam urusan pentadbiran. Walau bagaimanapun, TC tidak sama pendapat dan kerap bertelagah dengan Osborne dalam beberapa urusan. Peristiwa sedemikian mengingatkan khalayak terhadap perilaku Sultan Abdullah dalam sejarah Perak yang turut tidak sependapat dengan J.W.W. Birch. Hal ini merupakan ambilan fakta sejarah oleh pengarang melalui fasal keenam dengan kemunculan residen di Perak. Justeru, pengarang memamatkan watak Osborne bertitik tolak daripada kisah J.W.W Birch yang mati dibunuh. Namun perbezaannya Osborne mati tertembak oleh dirinya sendiri ketika pergelutan dengan TC sebaliknya J.W.W. Birch mati dibunuh oleh pejuang tempatan yang diketuai oleh Dato Maharaja Lela.

Pembunuhan J.W.W Birch telah mengakibatkan tercetusnya perang Perak pada tahun 1875 disebabkan peranan yang dimainkan residen tidak

disenangi oleh pembesar Perak termasuk Sultan Abdullah. Mereka marah dengan sistem residen ini kerana kesetiaan mereka tetap kepada sistem tradisional Melayu Perak dengan Sultan dan pembesar sebagai pemerintah (Ishak Saat, 2012). Kekuatan pegangan terhadap agama Islam serta nilai dan budaya Melayu dan patuh kepada raja menyebabkan mereka tidak mudah menerima perubahan yang bertentangan dengan apa yang diamalkan sebelum ini (Siti Zalikhah Md. Nor 2011). Kewujudan J.W.W. Birch bukan sahaja melangkaui bidang kuasa yang ditetapkan malahan bertindak menggugat jawatan Sultan Abdullah yang memerintah untuk tunduk kepada arahan. Kenyataan ini diperkuatkan oleh pengarang yang menyatakan bahawa sekiranya tidak menurut telunjuk Inggeris, baginda akan tersingkir dan takhta Kesultanan Perak akan ditawarkan semula kepada Raja Ismail (Malim Ghazali PK 2017).

Melalui insiden pembunuhan sedemikian telah mengakibatkan beberapa pembesar tempatan seperti Sultan Abdullah, Menteri Ngah Ibrahim dan Datuk Laksamana Mohd Amin dibuang negeri ke Kepulauan Seychelles. Melalui hiperteks, watak Raja Muda Abdullah yang tidak menghadiri majlis pemakaman Sultan Ali sehingga akhirnya baginda dibuang ke Pulau Seychelles oleh kerajaan British persis kemiripan yang dilalui TC. Melalui pembikinan makna baru yang ditampilkan oleh pengarang terhadap sejarah Perak, TC tidak menghadiri majlis pemakaman RDH dan telah dimasukkan ke Rumah Sakit Otak Tanjung Rambutan. Kemasukannya ke Rumah Sakit Otak disebabkan TC disabitkan atas tuduhan membunuh Osborne manakala Sultan Abdullah dituduh berkomplot merancang pembunuhan J.W.W Birch di Pasir Salak.

Kematian Osborne membolehkan urusan pentadbiran istana yang dipimpin oleh Tuanku Imran berjalan dengan baik tanpa berlaku campur tangan dari pihak luar. Isu penggiliran takhta yang terjadi hanya melibatkan golongan dalam pihak istana dan diselesaikan dengan cara yang aman. Perbalahan antara TC dengan Ku Robot berlaku secara tertutup yang hanya melibatkan kaum kerabat pihak istana. Perspektif ini boleh dilihat melalui petikan di bawah:

“...Dia berasa kecewa dengan cara isu pertabalan itu ditangani. Apalah salahnya jika tuanku menelefon dan memberitahunya terlebih dahulu? Tambahan pula dia dan tuanku bukannya orang lain. Isu dia dilangkaui sedikit pun tidak mengecilkan hatinya...”

(Luka Nering 2014: 284)

“...Biarlah! Jika dengan pembuangannya ke sini merupakan jalan penyelesaian, tidak mengapalah. Dia reda. Walau dia sedar dia akan berada di sini untuk suatu tempoh yang lama, atau mungkin sepanjang hayatnya, namun dia reda. Asal sahaja kedaulatan takhta tidak terpalit dengan tindakannya...”

(Luka Nering, 2014:4-5)

Pengarang menggambarkan bahawa tiada pergaduhan atau krisis berpanjangan melibat penggiliran takhta dalam Kerabat Diraja Perak. TC mengalah dan reda akan keputusan yang diputuskan oleh pihak istana untuk melantik Ku Robot sebagai RDH yang baru. Malahan, tiada berlakunya campur tangan dari pihak luar terutamanya pihak Inggeris untuk menyelesaikan pergolakan yang berlaku di istana Perak melibatkan TC dan Ku Robot. Perspektif sedemikian menjadi makna sebenar terhadap sejarah tempatan yang disampaikan oleh pengarang. Sehubungan itu, fakta yang selama ini ditulis oleh sejarawan British tentang asal-usul Perjanjian Pangkor 1874 jelas bercanggah dengan fakta yang diperjelaskan oleh Malim Ghazali PK. Berlakunya proses intertekstual dari hipoteks ke hiperteks mempertemukan hasil terhadap dua makna baru. Perubahan dari segi watak dengan berlakunya ekspansi daripada watak asal Perjanjian Pangkor telah digubah kepada pembikinan makna yang baru.

TRANSFORMASI

Transformasi bermakna pemindahan, penjelmaan atau penukaran sesuatu teks kepada teks yang lain. Meskipun Malim Ghazali PK memaparkan latar sejarah Perjanjian Pangkor 1874, pengarang telah mengadunkan teks sejarah melibatkan beberapa buah negeri di Tanah Melayu yang telah dijajah terlebih dahulu sebelum negeri Perak. Latar yang digunakan oleh pengarang boleh berlaku pada masa silam, masa kini dan masa hadapan (Misran Rokimin, 2009). Sebelum termaterainya Perjanjian Pangkor 1874, pihak British terlebih dahulu telah menguasai beberapa buah negeri di Tanah Melayu. Mereka telah mempunyai kedudukan yang teguh di Negeri-Negeri Selat iaitu Pulau Pinang, Melaka dan Singapura yang telah ditubuhkan dalam tahun 1826 (Siti Zalikhah Md. Nor 2011). Oleh yang demikian, latar peristiwa sejarah berkaitan negeri berkenaan telah mendasari aspek latar dalam Luka Nering yang diterapkan oleh pengarang. Aspek latar amat penting dalam mengembangkan tema, persoalan, plot, watak dan perwatakan. Idea, plot dan watak akan lebih hidup jika berada dalam situasi pelbagai

latar (Tuan Rusmawati Raja Hassan & Mawar Safei 2015).

Daerah di negeri Melaka iaitu Naning dan Pulau Pinang menjadi latar peristiwa sejarah yang mengalami proses intertekstual ke Luka Nering. Naning dikuasai oleh British pada tahun 1832 manakala Pulau Pinang mula diambil alih pada tahun 1786. Kemasukan teks mengenai sejarah Naning diambil oleh pengarang berdasarkan petikan teks Sejarah Ringkas Naning yang dikarang oleh Abdullah Zakaria Ghazali (1999) sebagai hipoteks. Hipoteks dalam teks Sejarah Ringkas Naning mengalami proses intertekstual dari sudut pemindahan sebelum diterapkan oleh pengarang sebagai hiperteks dalam ruangan petikan dalam teks Luka Nering. Contohnya;

1. Hipoteks 1

“...Pasukan British berlepas dari Melaka menuju ke Sungai Petai pada pukul 4.00 pagi, Sabtu 6 Ogos 1831. Sungai Petai dipilih kerana kedudukannya yang strategik berhampiran dengan Naning dan mudah berhubung dan mudah untuk menghantar bekalan...”

(Sejarah Ringkas Naning 1999:15)

2. Hiperteks 1

“...Haji tahu, Perang Naning yang pertama dengan pihak Inggeris di bawah kepimpinan Kapten Wyllie bermula pada pukul 4.00 pagi, Sabtu 6 Ogos 1831. Ketumbukan Inggeris masuk dari Sungai Petai...”

(Luka Nering 2014: 178)

3. Hipoteks 2

“...Pada 7 Februari 1832 angkatan British yang terdiri antara 1200 hingga 1400 orang di bawah Leftenan Kolonel Herbert bergerak ke Naning. Walaupun ditentang oleh Penghulu Dol Said, angkatan British berjaya menawan Naning dan menduduki Taboh pada 15 Jun 1832...”

(Sejarah Ringkas Naning 1999: 16)

4. Hiperteks 2

“...Tapi, pihak Inggeris tak berhenti di situ, Haji. Mereka menyerang lagi pada tahun berikutnya, pada 7 Februari 1832, di bawah kepimpinan Leftenan Kolonel dengan 1400 orang askar. Perang Naning kedua ini berlanjutan selama seminggu. Pada Februari 1832, pertahanan Naning dikalahkan dan pihak Inggeris menduduki Taboh: sambung TC...”

(Luka Nering 2014: 179)

Pengarang mengekalkan peristiwa sejarah sebagai latar utama. Latar yang dipaparkan dalam

Sejarah Ringkas Naning mengisahkan tentang peperangan Naning yang diketuai oleh Dol Said. Penceritaan yang dimasukkan oleh Abdullah Zakaria Ghazali mengenai sejarah peperangan Naning adalah secara ringkas dan padat. Oleh yang demikian, berlakunya perubahan dari segi jalan cerita dengan penyesuaian terhadap teks melibatkan sejarah Naning dalam Luka Nering. Malim Ghazali PK mengubah suai jalan cerita sejarah yang dipaparkan dengan menggunakan dialog terhadap teks. Walau bagaimanapun, plot penceritaan masih sama antara kedua-dua teks. Berlakunya pemindahan hipoteks Sejarah Ringkas Naning kepada hiperteks dalam Luka Nering dipanggil sebagai transformasi formal. Kenyataan ini disebabkan pengarang telah memindahkan sepenuhnya atau hampir sepenuhnya dari teks Sejarah Ringkas Naning ke Luka Nering.

Di samping itu, proses intertekstual dalam Luka Nering turut memerihalkan tentang sejarah pembukaan negeri Pulau Pinang. Tokoh yang terlibat dalam sejarah pembukaan Pulau Pinang sudah pasti akan dikaitkan dengan Francis Light. Oleh itu, pengarang menolak fakta yang mengatakan Francis Light merupakan individu terawal yang membuka Pulau Pinang. Teks asal sebagai hipoteks yang mempengaruhi pengarang adalah buku Sejarah Pulau Pinang (2008) yang ditulis oleh Muhammad Haji Salleh. Berlakunya beberapa proses seperti pemindahan dan pengembangan oleh pengarang menjadikan hiperteks dalam Luka Nering mengenai sejarah Pulau Pinang menjadi lebih lengkap. Contohnya;

1. Hipoteks 1

“...Abdul Aziz Ishak, bekas Menteri Pertanian, Perhutanan dan Perikanan pada masa Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri, mendakwa bahawa Datuk Janatun merupakan orang yang mula-mula datang merantau ke Pulau Pinang sebelum kedatangan Francis Light, namun kajian lanjut mendapati Batu Uban telah dibuka oleh Haji Mohammad Salleh atau nama sebenarnya Raja Nan Intan Ibni Almarhum Tengku Pateh Sebatang...”

(Sejarah Pulau Pinang 2008: 31)

2. Hiperteks 1

“...Abdul Aziz Ishak mendakwa Datuk Janatun merupakan orang yang mula-mula datang merantau ke Pulau Pinang, sebelum Francis Light. Kajian mendapati Batu Uban telah diteroka oleh Haji Mohammad Salleh atau nama sebenarnya Raja Nan Intan Ibni Almarhum Tengku Pateh Sebatang yang berasal dari Kampung Buadi, Paya Kumbuh, Sumatera, yang mempunyai pertalian darah diraja Minangkabau...”

(Luka Nering 2014: 91-92)

3. Hipoteks 2

“...Berdasarkan kajian ini, Francis Light mula muncul dalam sejarah Kedah sejak zaman Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muazzam Shah II (1710-1778). Sultan berkenaan begitu tertarik dengan kekuatan Syarikat Hindia Timur Inggeris yang memang telah diketahui kejayaan ketenteraannya di India. Sultan Kedah berhasrat untuk menjadikan Syarikat Hindia Timur sebagai pelindung Kedah...”

(Sejarah Pulau Pinang 2008: 21)

4. Hiperteks 2

“...Dia menghuraikan bagaimana kehilangan Pulau Pinang daripada tangan kerajaan Kedah bermula apabila Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muazzam Shah II tertawan dengan kekuatan Syarikat Hindia Timur, dan baginda bercadang menggunakan syarikat itu sebagai pelindung Kedah...”

(Luka Nering 2014: 93-94)

Sejarah pembukaan Pulau Pinang telah dikemukakan secara jelas berdasarkan penyelidikan yang dilakukan oleh Muhammad Haji Salleh. Malim Ghazali PK memindahkan teks pensejarahan tersebut ke dalam Luka Nering dengan tujuan untuk menghimpunkan fakta mengenai sejarah negeri di Tanah Melayu. Meskipun Luka Nering berkisarkan tentang sejarah penjajahan yang berlaku di Perak namun negeri-negeri lain di Tanah Melayu turut mengalami senario penjajahan yang sama. Pengarang mengubahnya menjadi teks berbentuk dialog untuk disesuaikan dengan jalan cerita dengan melibatkan kehidupan yang sedang dilalui oleh TC. TC menerangkan tentang Francis Light dan sejarah kejatuhan Pulau Pinang kepada pihak British ketika beliau memberi ceramah di Rumah Sakit Otak bersama Imam Bujang.

MODIFIKASI

Modifikasi merupakan penyesuaian, perubahan atau pindaan terhadap sesuatu teks dalam sesebuah teks. Biasanya modifikasi berlaku disebabkan timbulnya keinginan pengarang untuk menempatkan sesebuah teks yang sesuai ke dalam teksnya. Modifikasi sering dilakukan terhadap aspek pemikiran, tokoh, alur cerita dan gaya dalam sesebuah karya. Melalui paparan sejarah berkaitan modifikasi yang dilakukan oleh pengarang dikesan melalui novel Tengku Menteri karya Talib Samat. Pengarang telah menyesuaikan teksnya terkait dengan tokoh dalam pembunuhan residen British, J.W.W. Birch melibatkan Menteri Larut Ngah Ibrahim, Sultan Abdullah, Laksamana Wan Muhammad Amin,

Syahbandar Uda Mahamor, Dato Maharaja Lela dan Dato' Sagor. Pengarang juga bertindak untuk memanjangkan petikan yang dipinda untuk disesuaikan menerusi alur cerita dalam teksnya.

Tambahan, pengarang cuba menyesuaikan petikan yang dipindahkan dengan gaya bahasanya yang tersendiri. Selaras dengan pendekatan kajian, intertekstualiti penting kepada pengarang untuk membuat sesuatu tafsiran yang baru serta berbeza daripada karya-karya yang dihasilkan oleh pengarang lain (Mana Sikana, 2008: 199). Perkara ini membawa maksud pengarang cuba mengolah petikan berkenaan daripada sudut yang berlainan berpandukan corak kepengarangannya. Teks yang mengalami proses modifikasi dalam kajian ini adalah novel Tengku Menteri tulisan Talib Samat pada tahun 2003. Kehadiran hipoteks ke dalam hiperteks pengarang melalui prinsip modifikasi ini dapat diperihalkan pada perbandingan petikan berikut:

1. Hipoteks 1

“...Kita semua ini dibuang negeri tanpa sebarang perbicaraan. Mana ada dalam undang-undang manusia yang bertamadun kita patut diperlakukan sebegini. Sepatutnya mesti dibicarakan dengan wajar di mahkamah yang sesuai,” kata Menteri Ngah Ibrahim.

“Betul sekali kata Ngah Ibrahim itu,” kata Syahbandar Uda Mahamor sambil terbatuk-batuk...”

(Tengku Menteri 2003: 654)

2. Hiperteks 1

“...Adakah Orang Kaya Tengku Menteri Ngah Ibrahim, Sultan Abdullah Muhammad Shah II, Laksamana Mohd. Amin Alang Duakap, Syahbandar Uda Mammor, Dato' Maharaja Lela, Dato' Sagor, Pandak Indut, Kulup Ali, Si Tuah dan Ngah Jabor yang memimpin kebangkitan orang Melayu menentang penjajahan Inggeris itu tindakan penderhaka ataupun wira?”

Adilkah penghakiman yang dijatuhkan ke atas mereka? Sebagai negara Barat yang kononnya memperkenalkan sistem kehakiman yang lebih adil, adakah mereka yang tertuduh mendapat khidmat peguam bela? Baginya, perbicaraan tersebut tidak lebih daripada sebuah mahkamah kanggaru...”

(Luka Nering 2014: 40)

3. Hipoteks 2

“...Saya yakin Dato' Maharaja Lela, Dato' Sagor dan pejuang-pejuang Melayu mampu memberikan tentangan lebih hebat jika dibekalkan senjata yang sama hebat seperti yang ada pada orang-orang Inggeris...”

(Tengku Menteri 2003: 646)

4. Hiperteks 2

“...Apakan daya, Dato’ Maharaja Lela dan Dato’ Sagor hanya ada keris, badik, golok, parang dan tombak, sementara pihak Inggeris datang dengan meriam-meriam besar dan senapang. Semangat sahaja tidak mencukupi untuk menentang bala tentera Inggeris yang datang dengan askar-askar sepoy...”

(Luka Nering 2014: 64)

Teks tersebut telah diubah suai kepada perbualan antara watak di dalam Luka Nering. Dikesani bahawa pengarang mengolah penceritaan yang sama melalui dialog yang dituturkan mengenai pensejarahan yang berlaku ke atas pahlawan Melayu yang menentang pihak British. Pengarang juga cenderung menambah dialog yang dituturkan oleh TC untuk menunjukkan kreativiti untuk memanjangkan jalan cerita. Tindakan ini akan membolehkan penyesuaian dialog itu tidak berlaku pertindihan atau plagiat sebaliknya diolah dari segi penceritaan baru asalkan tidak lari dengan perbezaan dialog asal dalam hipoteks. Berlakunya juga perubahan disebabkan pengarang ingin memaparkan keteguhan pendiriannya dalam mempertahankan pejuang Melayu yang telah disalah tafsir. Pihak kolonial secara nyata menyalahkan pahlawan Melayu yang diketuai oleh Sultan Abdullah sebagai dalang pembunuhan terhadap J.W.W. Birch. Justeru, pihak British secara nyata memberi gambaran yang buruk terhadap masyarakat setempat sehingga menggelarkan mereka sebagai pengkhianat.

Perspektif ini yang ingin diperbetulkan kembali oleh Malim Ghozali PK bahawa pahlawan Melayu yang dikatakan pengkhianat tersebut adalah wira yang berusaha membebaskan negeri Perak daripada cengkaman penjajah. Bukti yang nyata adalah hukuman yang dijatuhkan terhadap mereka adalah berat sebelah dan dihakimi dengan tidak adil dan penuh sifat dendam. Dari kaca mata Inggeris, keadilan (justice) telah tercapai dengan menghukum pejuang-pejuang Melayu manakala dari sudut pandangan bangsa yang terjajah itu, tindak-tanduk Inggeris tidak lain hanyalah suatu bentuk kezaliman di luar batasan (Malim Ghozali PK 2017: 16). Perilaku sedemikian yang ingin dijadikan sebagai makna baru yang diketengahkan oleh pengarang melalui penyesuaian teks ke dalam Luka Nering. Bangsa asing, apatah lagi penjajah sudah tentu akan mewarnakan penulisan sejarah tersebut secara prejudis dan berat sebelah (Malim Ghozali PK 2017: 16).

KESIMPULAN

Perjanjian Pangkor 1874 sememangnya mendasari penceritaan dalam novel Luka Nering. Proses intertekstual berlaku dengan kehadiran teks sejarah (hipoteks) dalam Luka Nering (hiperteks). Hal ini mengesahkan bahawa pengarang telah melakukan pemindahan, pembaikan dan pengembangan dari teks asal. Melalui aspek watak dan plot, pengarang telah memberikan pemaknaan baharu terhadap peristiwa sejarah Perjanjian Pangkor 1874. Hubungan dan kesinambungan antara teks asal dengan teks Luka Nering membuktikan bahawa Malim Ghozali PK melalui kreativiti kepengarangannya memaparkan konflik dalaman istana Melayu di Perak pada lewat abad ke-19. Peristiwa sejarah tempatan negeri Perak yang menjadi tunjang jalan cerita Luka Nering membuktikannya sebagai sebuah novel Melayu kontemporari yang berunsur sejarah tempatan.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Ismail & Azmi Ariffin. 2016. *Sejarah Malaysia Wacana Kedaulatan Bangsa, Kenegaraan Dan Kemerdekaan*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Abdul Rahman Napiah. 2017. *Luka Nering Melalui Bacaan Idealistik*. In *Merenungi Dunia Naratif Malim Ghozali PK*, edited by S.M. Zakir, 95-113. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Zakaria Ghazali. 1999. *Sejarah Ringkas Nanning. Malaysia dari Segi Sejarah*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Che Abdullah Che Ya & Mohamad Rodzi Abd Razak. 2019. Menelusuri elemen sejarah dalam novel. *Akademika* 89(1): 5-14.
- Ishak Saat. 2012. *Politik & Masyarakat Melayu Perak*. Batu Pahat: Penerbit UTHM.
- Khoo Khay Kim. 1974. The Pangkor Engagement of 1874. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 1: 10-12.
- Kristeva, Julia. 1980. *Desire in Language: A Semiotic Approach to Literature and Art*. Oxford: Basil Blackwell.
- M.A. Fawzi Basri. 2016. *Cempaka Sari Sejarah Kesultanan Negeri Perak*. Kuantan: Geroda Merah Press.
- Malim Ghozali PK. 2014. *Luka Nering*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malim Ghozali PK. 2017. *Kumpulan Esei Pilihan Psikomatik Yang Menyala*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Malim Ghozali PK. 2019. Sejarah penulisan novel Luka Nering, Kota Damansara. Temu bual, 23 Oktober.

- Malim Ghozali PK. 2019. Pengalaman dalam bidang penulisan karya, Kota Damansara. Temu bual, 18 Disember.
- Mana Sikana. 2008. *Teori Sastera Kontemporari*. Bangi: Penerbit Pustaka Karya.
- Mawar Safei, Misran Rokimin & Che Abdullah Che Ya. 2011. Tradisi dalam novel Anwar Ridhwan dan Putu Wijaya. *Akademika* 81(1): 83-91.
- Misran Rokimin. 2009. Pembangunan tamadun Islam akan berulang? Meneliti novel Remaja 1511H [Kombat] Karya Faisal Tehrani. *Akademika* 75(1): 3-20.
- Muhammad Haji Salleh. 2008. *Sejarah Awal Pulau Pinang*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Noor Fatim Alia' Md Khalid' & Halis Azhan Mohd Hanafiah. 2019. Institusi Sosial Dalam Novel Luka Nering. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara (SUTERA 2019), anjuran Pusat Penyelidikan Langkawi Universiti Kebangsaan Malaysia, 1-2 Ogos, Kedah.
- Oong Hak Ching. 1996. Penggubalan dasar British terhadap Tanah Melayu semasa Perang Dunia Kedua. *Jurnal Jebat* 24: 85-100.
- Rosnani Md Zain. 2017. Fenomena Sosial Dalam Novel Pilihan. MA Thesis, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor Darul Ehsan.
- Rozais Al-Anamy. 2015. Luka Nering Fiksyen Sejarah. *Mingguan Malaysia*. 8 March.
- Siti Zalikhah Md. Nor. 2011. Perangkap Perjanjian Pangkor. *Jurnal Undang-Undang Malaysia* 23(2): 267-285.
- Talib Samat. 2017. Perbandingan Komuniti Jawa di Surinam, Amerika Selatan dengan Komuniti Masyarakat Melayu di Republik Seychelles dalam Novel *Janji Paramaribo*. In *Merenungi Dunia Naratif Malim Ghozali PK*, edited by S.M. Zakir, 81-94. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tuan Rusmawati Raja Hassan & Mawar Safei. 2015. Intertekstualiti dan konflik sosial dalam Angin Timur Laut. *Jurnal Melayu* 14(2): 328-345.
- Zulkifli Mohd. Yusoff & Wan Nasyrudin Wan Abdullah. 2008. Intertekstualiti dan kitab Tafsir Melayu. - 19: 208-225.
- Amir Zakiy Hamzah
Kajian Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi Selangor
Malaysia
Email: P102502@siswa.ukm.edu.my
- Nur Afifah Vanitha Abdullah (corresponding author)
Pusat Kajian Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi Selangor
Malaysia
Email: nurafifah@ukm.edu.my
- Che Abdullah Che Ya
Pusat Kajian Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi Selangor
Malaysia
E-mail: cheabad@ukm.edu.my

Received: 14 Julai 2020

Accepted: 24 May 2021